

Musa ingatkan anggota polis jangan bersikap perkauman

UM-22/9/2006

PULAU PINANG 21 Sept. - Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan mengingatkan anggota polis agar sama sekali tidak bersikap perkauman atau memilih warna kulit ketika berdepan dengan kes-kes jenayah.

Menurutnya, pendirian itu yang sudah menjadi amalan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sebelum ini, perlu dikekalkan bagi memastikan tradisi kecemerlangan ketika berdepan dengan soal sedemikian, sentiasa terpelihara.

Katanya, anggota polis sebaliknya perlu bersikap berkecuali dan adil ketika menjalankan tugas menguatkuasa undang-undang.

"Apabila seseorang individu atau kumpulan dari satu kaum melakukan jenayah ke atas kaum yang lain, ia boleh menaikkan kemarahan serta mencetus emosi sekaligus jenayah yang dilakukan itu bertukar menjadi isu perkauman dan mendapat publisiti meluas," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan bertajuk *Jenayah ialah Buta Warna: Pelbagai Pendekatan Dalam Mencegah Jenayah* pada Forum Mengenai Jenayah dan Kepolisan di Universiti Sains Malaysia (USM) di sini hari ini.

Teks ucaptamanya dibaca oleh Timbalan Pengarah II, Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Mokhtar Hassan.

Forum sehari itu merupakan anjuran bersama Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia cawangan Pulau Pinang, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan USM dan Sukarelawan Polis Siswa Siswi (SUKSIS) USM.

Menurut Musa, perangkaan bagaimanapun jelas menunjukkan jenayah utama seperti pembunuhan dan rogol berlaku lebih kepada intra-etnik, iaitu mangsa dan suspek berketurunan dari kaum yang sama dan bukan inter-etnik.

"Seorang Melayu takut dengan Melayu lain sebagaimana seorang Cina takutkan orang daripada kaum Cina juga, malah pengalaman sedemikian turut dilaporkan berlaku dalam masyarakat multi etnik yang lain," ujarinya.

Dalam pada itu, Musa memberitahu, tanggapan masyarakat terhadap kegagalan anggota polis menjalankan tanggungjawab berlaku apabila tugas dan peranan polis tidak dihargai.